

- Penternak dilarang menjual atau memindahkan ternakan ayam ke kawasan lain jika ladang tersebut mengalami kadar kematian ayam yang tinggi.
- Hindari dari membeli ternakan ayam atau produk ayam dari ladang ternakan ayam yang sakit atau mengalami kematian ayam yang tinggi.
- Penternak atau orang ramai perlu melaporkan kematian ternakan ayam atau kematian unggas-unggas lain secara mengejut atau luar biasa kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dengan segera.
- Dapatkan rawatan segera di pusat-pusat rawatan berhampiran sekiranya anda mengalami demam berterusan, batuk dan sesak nafas selepas mengendalikan ternakan atau melawat ladang ternakan unggas.



- Lakukan pencucian dan disinfeksi pada kasut, pakaian dan tangan bagi mengelak penyebaran penyakit HPAI.
- Kawalan terhadap roden atau tikus serta unggas liar berupaya mengelakkan penyebaran penyakit HPAI.

Tanggungjawab Anda, Penternak Atau Pengusaha Ladang

- Perhatikan tanda-tanda penyakit atau keadaan luar jangka pada ayam anda kerana pengesanan awal jangkitan dapat mencegah penyakit HPAI dari terus merebak.
- Laporkan dengan segera sekiranya ayam anda menunjukkan tanda-tanda penyakit serta meningkatnya bilangan kematian ayam di tempat anda, kepada:-

Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit

Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS
 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
 Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Present
 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62630 Putrajaya
 Tel: 603-8870 2000 / Faks: 603-88886472

Atau
 Pusat Pengurusan Krisis
 Jabatan Perkhidmatan Veterinar
 Tel: 603-8870 2041

Atau
 Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang
 berhampiran di tempat anda di seluruh
 Malaysia

5. Amalan Perladangan Terbaik

- Kawal pergerakan keluar masuk kenderaan ke kawasan ladang ternakan anda.

SELESEMA BURUNG

HIGHLY PATHOGENIC AVIAN INFLUENZA

(HPAI)



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
 MALAYSIA**

1. Apakah *Highly pathogenic avian influenza* atau Selesema burung?

- Penyakit saluran pernafasan sangat patogenik disebabkan oleh jangkitan virus Influenza dari sub-tip H5N1.
- Jangkitan virus dari sub-tip H5N1 ini boleh menyebabkan kadar kematian ternakan yang sangat tinggi (luarbiasa) sehingga mencapai 100% kematian.
- Virus HPAI juga berupaya menjangkit manusia melalui sentuhan semasa mengendalikan ternakan ayam, itik atau unggas serta produk-produk unggas yang telah terjangkit dan boleh menyebabkan kematian atau maut.

2. Apakah Tanda-tanda penyakit HPAI / Selesema Burung.

A. Terhadap ternakan ayam, itik, burung atau unggas lain:-

- Ternakan tidak cergas, lemah, moyok dan tiada selera makan.
- Terdapat kesan lebam atau kemerahan di balung, gelambir dan kaki ayam.
- Muka ayam bengkak serta mata berair.

- Kematian ternakan secara mengejut pada kadar yang tinggi melebihi 3% sehari.



B. Terhadap Manusia/Orang Awam

- Demam panas, selesema dan batuk berterusan
- Sakit dada dan sesak nafas
- Tiada selera makan
- Badan sangat lemah
- Mata merah (*conjunctivitis*)

3. Siapa yang berisiko tinggi terhadap jangkitan HPAI atau Selesema Burung?

Penternak ayam, itik dan semua jenis unggas yang mengendalikan ternakan unggas secara

- Penjual, penyembelih ayam yang sering menjalankan aktiviti penyembelihan tanpa mengambil langkah-langkah tahap perlindungan diri yang tinggi.

- Orang awam yang mengendalikan secara terus atau makan bahan produk unggas yang telah dicemari atau terjangkit oleh virus HPAI.

4. Bagaimana cara mencegah jangkitan penyakit HPAI atau Selesema Burung?

- Penternak boleh mengamalkan kaedah perladangan baik (GAHP) dan mengikuti prosedur biosekuriti dalam sistem perladangan tertutup bagi menghalang kemasukan haiwan atau burung liar ke dalam kawasan ladang ternakan.

- Penternak benar-benar mematuhi prosedur perlindungan diri dengan sentiasa memakai pakaian pelindung semasa mengendalikan ternakan.

- Semua pakaian, kasut dan peralatan di ladang perlu di bersih dan disinfeksi dengan prosedur yang betul sebaik sahaja selepas digunakan.

- Penternak perlu memerhati dan memastikan tiada petanda klinikal jangkitan HPAI pada ayam atau produk ayam bagi memastikan ianya benar-benar selamat untuk dimakan.